



Tanggal 14 April 2025 pastinya merupakan tarikh yang akan dikenang oleh seluruh rakyat Malaysia.

Tepat pada pukul 7.10 malam di Institut Jantung Negara, perginya seorang negarawan tanah air pada usia 85 tahun, yang banyak berjasa dan memberikan sumbangan yang tidak ternilai terutamanya terhadap pembangunan Islam, ekonomi dan modal insan di Malaysia.

Sumbangan Tun Abdullah Ahmad Badawi


terhadap Pembangunan Islam, Ekonomi dan Modal Insan

Dilahirkan di Kampung Perlis, Bayan Lepas pada 26 November 1939, putera sulung kepada pasangan Haji Ahmad bin Haji Abdullah Fahim atau lebih dikenali sebagai Ahmad Badawi dan Datuk Khailan binti Haji Hassan ini merupakan keluarga yang amat menekankan ilmu agama. Datuknya, Syeikh Abdullah Fahim merupakan tokoh ulama yang terkenal terutamanya dalam bidang ilmu falak serta merupakan Mufti Pulau Pinang yang pertama.

Allahyarham mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Permatang Bertam, Kepala Batas pada tahun 1947 hingga tahun 1950, seterusnya meneruskan pembelajaran di Sekolah Tinggi Bukit Mertajam dan Penang Methodist Boys School, Pulau Pinang sewaktu pengajian tingkatan enam.

Bakat kepimpinan sejak usia muda telah terbukti apabila semasa berada pada peringkat tingkatan lima, Allahyarham telah dilantik sebagai Yang Dipertua

Persatuan Pelajar-pelajar Melayu Pulau Pinang dan Seberang Perai pada tahun 1957. Tambahan pula, sewaktu menuntut di Universiti Malaya, Allahyarham sangat aktif dalam isu pendidikan orang Melayu sehingga dilantik sebagai Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung pada tahun 1962. Pada tahun 1964, Allahyarham berjaya memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam bidang Pengajian Islam. Pastinya sesiapa sahaja akan terkesan dengan pelbagai ucapan serta reaksi masyarakat di negara ini bagi mengenang jasa dan kebaikan Allahyarham terutamanya dalam pelbagai saluran media sosial sehinggakan banyak pihak menjalankan solat jenazah ghaib dan bacaan *Yasin* serta tahlil kepada Allahyarham. Tidak terkecuali, pihak kerajaan turut memberikan penghormatan melalui ruang Istiadat Pengebumian Negara kepada Allahyarham, bertempat di Makam Pahlawan, Masjid Negara, Kuala Lumpur. Hal ini



sekali gus menjadikan Allahyarham sebagai pemimpin kelima yang disemadikan di situ.

Jika ingin dirungkaikan satu per satu jasa Allahyarham kepada negara, mungkin tidak mampu untuk dicatatkan pada nukilan yang terhad ini. Namun begitu, penulis ingin memfokuskan beberapa aspek utama, iaitu pembangunan Islam, ekonomi dan modal insan di negara ini.

Sejak memasuki dunia politik pada tahun 1978 sebagai Ahli Parlimen Kepala Batas sehinggalah menjawat jawatan Perdana Menteri Malaysia Kelima bermula pada 31 Oktober 2003 hingga 2 April 2009, Allahyarham yang lebih mesra disapa sebagai Pak Lah dalam kalangan masyarakat merupakan seorang tokoh politik yang dikenali sebagai pemimpin berperwatakan tenang, berjiwa rakyat dan berprinsip sederhana.

Oleh sebab lahir daripada keluarga yang berpegang pada ajaran agama, pastinya sumbangan besar

Pak Lah banyak tertumpu pada pembangunan Islam di negara ini. Kewujudan program j-QAF, iaitu singkatan daripada pengajaran Jawi, al-Quran, Bahasa Arab dan Fardu Ain yang dilaksanakan pada peringkat sekolah rendah adalah berasaskan idea Pak Lah sendiri yang dinyatakan secara khusus semasa lawatannya ke Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada 30 Disember 2003. Setelah itu, cetusan idea ini telah diperhalus pada peringkat kementerian melalui seminar j-QAF pada 3 Mac 2004 hingga 5 Mac 2004. Bagi memperkasakan mutu dan objektif program ini, modul yang digunakan untuk program j-QAF telah dilaksanakan secara uji kaji dalam projek rintis selama tiga bulan dan berakhir pada Julai 2004, seterusnya telah dipersetujui oleh Pak Lah dan dilaksanakan secara bersepadu di seluruh negara.

Pada ketika itu, terdapat lambakan graduan khususnya dalam bidang pengajian Islam telah memperoleh manfaat daripada program ini dengan cara diberikan Kursus Perguruan Lepasan Ijazah di Institut Pendidikan Guru di seluruh negara, seterusnya dilantik sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah bagi memperkasakan kurikulum Pendidikan Islam pada peringkat sekolah rendah. Selain itu, pelaksanaan program ini menggunakan kurikulum serta model dan modulnya yang tersendiri hasil garapan idea tokoh akademik pada ketika itu. Tenaga guru yang khusus juga digunakan untuk sesi pemulihan, bimbingan, kemahiran, pengukuhan, pengayaan dan penghayatan murid menggunakan peruntukan jadual waktu persekolahan sedia ada.

Hasilnya, jutaan pelajar di seluruh negara hingga kini memperoleh keistimewaan yang begitu besar seperti celik al-Quran, tulisan Jawi dan aspek fardu ain, serta berkemahiran bahasa Arab, khususnya dalam kalangan pelajar sekolah rendah. Program j-QAF juga kini diperluas bukan sahaja kepada pelajar pada peringkat arus perdana, malahan juga kepada para pelajar berkeperluan khas di negara ini. Selain itu, program ini juga membuka lembaran baharu kepada kecemerlangan akademik dan sahsiah pelajar melalui penganjuran pelbagai program seperti karnival, pertandingan, aplikasi e-pelaporan dan pelbagai program akademik di seluruh negara yang dapat membentuk modal insan yang cemerlang di dunia dan di akhirat.

Dalam hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, Baginda bersabda yang bermaksud, "Barang siapa yang menunjukkan sesuatu kebaikan, maka dia mendapat pahala sama seperti orang yang


melakukannya.” Pastinya ganjaran yang begitu besar menanti Allahyarham menerusi kebaikan yang dinikmati daripada setiap huruf al-Quran yang dibaca oleh setiap pelajar di sekolah, hasil cetusan idea daripada Allahyarham, insya-Allah.

Seterusnya, terdapat juga sekolah agama ketika zaman pentadbiran Pak Lah sebagai Perdana Menteri merupakan sekolah yang dikategorikan sebagai daif dan uzur. Bagi menyelamatkan sekolah agama seperti ini khususnya Sekolah Agama Rakyat dan mengangkat kembali syiar Islam melalui pendidikan, suatu inisiatif telah diperkenalkan oleh Pak Lah, iaitu mewujudkan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Hasilnya, terdapat perubahan ketara dan positif dari segi kemudahan serta kebajikan pelajar, prasarana sekolah, kebajikan guru dan staf, serta kualiti pengajaran dan pembelajaran tanpa mengubah matlamat asal penubuhan sekolah tersebut. Pastinya doa daripada masyarakat terutamanya jutaan warga sekolah yang telah menerima manfaat ini akan menjadi asbab Allahyarham ditempatkan di syurga yang tertinggi di akhirat kelak.

Hingga kini, kebanyakan SABK di seluruh negara menjadi pilihan ibu bapa sebagai destinasi pendidikan anak mereka bukan sahaja dalam jurusan agama, malahan juga dalam lapangan akademik yang lain. Secara tidak langsung, inisiatif SABK membolehkan tanah dan bangunan wakaf generasi terdahulu dimanfaatkan sebaik-baiknya. SABK bukan sekadar melahirkan generasi yang cemerlang dalam bidang akademik, malah penganjur pelbagai pertandingan sukan antara SABK pada peringkat negeri dan kebangsaan berjaya melahirkan bakat atlet baharu dalam kalangan pelajar sekolah agama di negara ini.

Dalam aspek ekonomi pula, Pak Lah telah memperkenalkan pelbagai inisiatif pembangunan, antaranya termasuklah penubuhan lima Koridor Ekonomi Malaysia yang masih giat dilaksanakan hingga kini, iaitu Iskandar Malaysia Wilayah Ekonomi Utara, Wilayah Ekonomi Pantai Timur, Koridor Pembangunan Sabah dan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak. Penubuhan koridor ini bertujuan untuk merangsang pembangunan wilayah dan meningkatkan daya saing ekonomi negara.

Di samping itu, Allahyarham juga memberikan tumpuan kepada sektor pertanian untuk mengurangkan jurang pendapatan antara kawasan bandar dengan luar bandar. Hasilnya, pelbagai pihak mendapat manfaat yang begitu besar daripada kewujudan koridor ini terutamanya peningkatan ekonomi penduduk setempat, nilai hartanah bagi kawasan pembangunan



Legasi Pak Lah bukan sekadar pada dasar pembangunan yang ditinggalkan, bahkan juga pada nilai kehidupan yang dititipkan sebagai panduan abadi untuk generasi akan datang.

yang terlibat, serta kemasukan pelaburan ke lokaliti perindustrian yang terpilih. Peluang pekerjaan terutamanya kepada generasi muda juga terbuka luas, serta banyak kawasan perindustrian yang bernilai tinggi dibangunkan dengan begitu pesat.

Setelah mendapat mandat sebagai Perdana Menteri Malaysia Kelima, Pak Lah yang menjadi tonggak utama kerajaan pada ketika itu memperoleh kemenangan besar dalam Pilihan Raya Umum 2004, iaitu menang sebanyak 198 kerusi daripada 220 kerusi parlimen. Kemenangan ini dianggap sebagai mandat besar terhadap kepimpinan Allahyarham dan pelbagai dasar yang telah diperkenalkan, termasuklah dasar Islam

Hadhari yang menekankan keserasian agama Islam dengan pembangunan ekonomi dan teknologi.

Selain itu juga, Pak Lah dikenali sebagai perintis dalam usaha memajukan industri halal negara. Sebagai sebuah negara yang menitikberatkan aspek halal, khususnya dalam industri makanan, Allahyarham mencetuskan idea penubuhan Halal Development Corporation (HDC) pada tahun 2006. Penubuhan HDC yang diumumkan semasa Forum Halal Sedunia pada tahun yang sama, menjadi titik tolak kepada usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai peneraju industri halal global yang berasaskan kekuatan dalam pensijilan halal.

Pak Lah juga merupakan tokoh pemimpin yang mengamalkan dasar kepimpinan terbuka serta memperkasakan seni budaya kebangsaan, terutamanya dalam usaha memperkenalkan batik sebagai warisan budaya negara sehinggakan terhasilnya pekeliling yang mewajibkan para penjawat awam untuk memakai pakaian batik tempatan pada setiap hari Khamis yang diaplikasikan hingga hari ini.

Dinobatkan sebagai Bapa Pembangunan Modal Insan, figura tokoh politik senior ini amat menekankan bahawa setiap insan seharusnya dilengkapi nilai positif seperti berilmu, mempunyai nilai murni, bermoral dan berdisiplin tinggi bagi melengkapkan proses pembangunan negara ke arah yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang. Oleh itu, Allahyarham telah menggariskan lima teras di bawah pentadbirannya, iaitu Misi Nasional, Pelan Integriti Nasional, Pembangunan

Koridor Ekonomi, Pembangunan Modal Insan dan dasar Islam Hadhari.

Dalam aspek modal insan pula, tiada gunanya jika sesebuah negara maju, namun rakyatnya tidak mengamalkan sikap dan akhlak yang terpuji dan mulia. Selain dasar Islam Hadhari yang mengangkat syiar Islam pada peringkat lebih tinggi tanpa meninggalkan kemajuan duniawi, Pak Lah juga telah memperkenalkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan untuk menangani isu rasuah dalam sektor awam dan swasta. Langkah ini bertujuan untuk memperkukuh setiap usaha kerajaan bagi memastikan wujud ketelusan dan integriti terutamanya dalam kalangan agensi perkhidmatan awam di negara ini.

Sebagaimana yang dicatatkan oleh Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim dalam tulisan tangan beliau pada nota ucapan takziah sewaktu majlis Istiadat Pengubuman Negara, "Takziah kepada sahabat, negarawan negara yang berbakti sepanjang hayat. Semoga Allah SWT mencucuri rahmat ke atas rohnyanya", pastinya terlalu besar jasa dan sumbangan Pak Lah khususnya terhadap pembangunan Islam, ekonomi dan modal insan di negara ini.

Ketika pemergian Pak Lah tempoh hari, banyak yang memetik sajak yang pernah diungkapkan oleh Allahyarham untuk mengajak masyarakat memandang kehidupan secara lebih holistik dan bermakna. Sajak berjudul "Kucari Damai Abadi" itu bukan sekadar rangkaian kata indah, tetapi mencerminkan

falsafah hidup Allahyarham yang mendahulukan nilai spiritual, keilmuan dan ketulusan beragama. Dalam bait puisinya, terserlah kerendahan hati seorang pemimpin yang tidak mengagungkan kekayaan, kemewahan atau kemasyhuran, tetapi mencari ketenangan jiwa melalui ilmu, iman dan hubungan dengan Tuhan. Oleh itu, legasi Pak Lah bukan sekadar pada dasar pembangunan yang ditinggalkan, tetapi juga pada nilai kehidupan yang dititipkan sebagai panduan abadi untuk generasi akan datang.

Selamat berangkat ke negeri abadi, Pak Lah. Kami mendoakan agar Allah SWT menyambutmu dengan penuh rahmat dan keampunan-Nya di syurga yang tertinggi. 🕌



Program j-QAF membantu memperkukuh penguasaan ilmu agama dalam kalangan murid.